



MAJLIS PERASMIAN PUSAT TIMBANG DAN STOR (PTS) KG. MELAYU RAYA, SEGAMAT

UCAPAN ALUAN

**DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN
KETUA PENGARAH RISDA**

PTS KG. MELAYU RAYA,
SEGAMAT, JOHOR
7 JULAI 2008
10.15 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan
Ketua Pengarah RISDA

Yang Berhormat Ayub Rahmat
ADUN Kemelah

Yang Berhormat Datuk Sulaiman Taha
ADUN Tenang

Yang Dihormati En. Kaab bin Alias
Pengarah RISDA Negeri Johor

Wakil Pegawai Daerah Segamat dan Ketua-ketua Agensi

Serta Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

1.0 PENGHARGAAN

Marilah kita bersama-sama pada hari ini memanjangkan kesyukuran kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah, kurnia dan rahmatNya dapat kita berkumpul di sini bagi Majlis Perasmian Pusat Timbang dan Stor Kg. Melayu Raya, Segamat. Saya bagi pihak pengurusan RISDA amat mengalu-alukan dan berterima kasih di atas kesudian Yang Berbahagia Tan Sri Rahim Tamby Chik, Pengerusi RISDA melapangkan masa hadir untuk menyempurnakan Majlis pada hari ini. Sesungguhnya kehadiran

3

Yang Berbahagia Tan Sri begitu bermakna kepada semua yang hadir pada hari ini. Sokongan yang ditunjukkan oleh Yang Berbahagia Tan Sri akan menyemarakkan lagi semangat kami semua untuk meneruskan usaha memperkasakan pekebun kecil dan sama-sama membantu negara mencapai tahap pembangunan yang lebih tinggi, InsyaAllah.

Saya juga mengambil peluang di sini untuk mengalu-alukan kehadiran YB Ayub Rahmat, ADUN Kemelah dan YB Datuk Sulaiman Taha, ADUN Tenang serta semua dif-dif jemputan ke Majlis ini . Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan menjadi pendorong

4

kepada RISDA untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pekebun kecil dan penduduk di luar bandar khususnya dan juga industri getah keseluruhannya.

Saya juga mengalu-alukan kedatangan semua pekebun kecil dari seluruh Negeri Johor dan pastinya Majlis pada hari ini memberi pengertian yang cukup besar kepada RISDA khususnya dalam meningkatkan dan memperbaiki taraf hidup pekebun kecil di Negeri Johor, khususnya kearah mensasarkan pendapatan melebihi RM 2000 sebulan bagi seisi keluarga.

2.0 SENARIO INDUSTRI GETAH MASAKINI

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyentuh senario industri getah pada masa sekarang iaitu dari segi pengeluaran dan juga harganya supaya Tuan-tuan dan Puan-puan jelas dengan kedudukan industri ini yang menjadi tulang belakang kita semua.

Senario industri getah sekarang berada dalam tahap yang membanggakan dengan kenaikan harga getah dalam pasaran global. **Pengeluaran getah negara adalah 1,199,600 MT. Daripada pengeluaran ini, 95 % atau 1,139,620 MT adalah dikeluarkan oleh sektor pekebun kecil dan 5.0 % atau 59,980**

MT adalah dari sektor estet. Dari segi keluasan pula, jumlah keluasan getah adalah 1.24 juta hektar di mana pekebun kecil memiliki 95 % (1,177,700 hektar) dan estet memiliki 5 % (59,600 hektar). Daripada ini, seluas 965,900 hektar atau 82 % berada di Semenanjung Malaysia, 145,000 hektar atau 12.3 % di Sarawak dan 66,600 hektar atau 5.7 % adalah di Sabah. Pada masa ini, Malaysia merupakan pengeluar getah asli ketiga dunia selepas Thailand dan Indonesia.

7

3.0 HARGA KOMODITI GETAH SEMASA

Harga getah asli menunjukkan peningkatan selepas tahun 2002. SMR 20 yang menjadi asas pengiraan harga getah skrap keluaran pekebun kecil telah meningkat. **Purata harga tahunan telah meningkat sebanyak 257.5 % iaitu dari 205.56 sen/kg pada tahun 2002 kepada 734.83 sen/kg pada 2007.** Kenaikan harga ini adalah disebabkan peningkatan permintaan dunia terutama dari negara China dan India yang menunjukkan perkembangan yang pesat dalam industri otomobil. Kenaikan harga minyak mentah yang telah mencecah USD 146 setong pada hari Khamis (3 Julai 2008) turut menyumbang kepada kenaikan harga getah asli. Oleh

8

itu, harga Getah tiruan yang berasaskan minyak mentah akan turut naik. Dengan ini, pembeli di jangka beralih ke getah asli dan menyebabkan permintaan getah asli akan terus meningkat.

Harga SMR 20 telah mencecah RM 10.00/kg pada penghujung bulan Mei 2008 dan pada 4 Julai 2008, harga adalah RM 10.49/kg. Dengan keadaan pasaran getah yang baik pada masa ini, dijangka harga akan terus bertahan untuk jangka masa panjang sehingga 2015 dan prospek industri getah negara adalah sangat cerah.

4.0 INSENTIF TANAM SEMULA BERKUMPULAN

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menerangkan kebaikan pendekatan Tanam Semula Berkumpulan. Tanam Semula Berkumpulan adalah kaedah pengurusan pembangunan di mana kebun-kebun berdekatan digabungkan untuk di tanam semula secara berkelompok. Terdapat tiga model pembangunan Tanam Semula Berkumpulan iaitu **Tanam Semula Berkelompok (TSB), Tanam Semula Komersial (TSK) dan Mini Estet.**

Pengurusan kebun secara berkelompok di beri penekanan dalam usaha meningkatkan kecekapan pengurusan kebun melalui

ekonomi bidangan dan penggunaan teknologi terkini dari peringkat pembangunan sehingga pengeluaran hasil.

Dalam usaha mempergiatkan lagi pelaksanaan projek berkumpulan, **pakej insentif disediakan mengikut peringkat pembangunan, penghasilan dan getah tua.** Insentif di beri untuk menggalakkan penyertaan pekebun kecil dalam projek berkumpulan.

Insentif- insentif yang disediakan untuk peserta dan projek yang diuruskan secara berkumpulan adalah:

11

a. Infrastruktur dalam kebun

Kemudahan asas seperti jalan pertanian, jambatan, parit dan pembentung akan disediakan kepada peserta projek bagi memudahkan pengangkutan input pertanian dan hasil.

b. Bantuan Tanah Kosong

Bantuan tanah kosong ini di beri sehingga 30% kepada lot-lot yang tidak mengandungi getah tua dimana kedudukannya tersepit dalam kawasan projek berkelompok yang telah dikenalpasti.

12

c. Bantuan tabung pelancaran

Bantuan tabung pelancaran diberikan kepada Jawatankuasa Projek Tanam Semula Berkumpulan yang baru ditubuh, Program Penyatuan dan Pemantapan kebun matang. Nilai pemberian bergantung kepada luas kawasan projek yang dibangunkan dan dimantapkan. Nilai bantuan adalah:

- 0 – 40 hektar – RM 1,000.00/projek
- 41 – 80 hektar – RM 2,000.00/projek
- > 80 hektar - RM 3,000.00/projek

13

d. Bantuan Premium Tanah

Bantuan premium tanah di beri bagi tujuan mendapatkan hakmilik tanah untuk membolehkan pekebun kecil menyertai program tanam semula.

e. Latihan Pengurusan Ladang

Latihan Pengurusan Ladang dan pembangunan minda insan di beri kepada Jawatankuasa Projek dan peserta yang terpilih.

14

f. Bantuan Projek Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET)

Bantuan ini di beri kepada peserta yang layak sementara menunggu kebun mereka berhasil. Aktiviti yang digalakkan adalah seperti tanaman kontan dan ternakan secara integrasi dalam kebun.

g. Bantuan Pemulihan Kebun

Bantuan ini disediakan bagi memulihkan kebun yang rosak akibat bencana alam dan serangan musuh tanaman.

15

h. Bantuan Input Pertanian

Bantuan input pertanian yang bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran dan pendapatan pekebun kecil di bawah program peningkatan produktiviti getah (PPG) seperti baja, racun dan alat rangsangan (LITS).

i. Sistem Pemasaran Berkelompok

Kemudahan PTS dan Depo di sediakan kepada pekebun kecil yang menjualkan hasil getah/sawit secara berkelompok. **Urusan jualan hasil dapat diselaraskan dengan baik melalui sistem tender atau sebutharga supaya mendapat harga yang terbaik.**

16

Setakat tahun 2007, RISDA telah melaksanakan 210 buah Depo dan 33 buah PTS di seluruh negara. Pada tahun 2008 ini, sebanyak 6 buah PTS lagi telah diluluskan untuk pelaksanaan.

Ini termasuk PTS Kg. Melayu Raya yang telah mula beroperasi semenjak bulan Mac 2008. Walau bagaimana pun, aktiviti jualan berkelompok di sini telah bermula sejak tahun 1987 dengan kerjasama Koperasi Pekebun Kecil Daerah Segamat. Bilangan pekebun kecil yang berurusniaga getah dan sawit di sini adalah seramai 45 orang dan di jangka akan terus meningkat. Keupayaan

pengendalian setakat ini adalah 30 MT sehari atau 300 MT sebulan. Untuk makluman Yg. Bhg. Tan Sri, Daerah Segamat ini mempunyai kawasan getah paling tinggi di Negeri Johor, manakala kawasan lain di tanam dengan sawit. Di samping itu, Pusat ini juga berfungsi sebagai Pusat Jualan kayu getah dan input pertanian serta Pusat Perkhidmatan pelanggan dan penyampaian maklumat pasaran kepada pekebun kecil yang berurusan dengan pusat timbang ini. Pada masa yang sama pusat ini juga berperanan sebagai pusat kegiatan pengembangan RISDA kepada pembeli, penjual dan pekebun kecil sekitarnya.

5.0 Penutup

Saya tidak berniat untuk berucap panjang kerana Tuan-tuan dan Puan-puan tentunya sudah tidak sabar lagi untuk mendengar ucapan daripada Pengerusi RISDA yang buat pertama kali berjumpa dengan Tuan-tuan dan Puan-puan pada hari ini. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Rahim Tamby Chik, Pengerusi RISDA atas kesudian untuk menghadiri Majlis pada hari ini. Juga terima kasih kepada YB /Dato' para jemputan serta pekebun kecil yang hadir. Tidak ketinggalan juga terima kasih kepada En Kaab Alias, Pengarah RISDA Johor serta Jawatankuasanya yang telah

19

bekerja keras untuk menjayakan Majlis ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala usaha Tuan-tuan dan Puan-puan.

Sekian. **Wabillahi Taufik Walhidayah ,
Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.**

20